Majlis Sambutan Ambang
Kemerdekaan ke 52

WARGA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) tidak ketinggalan turut sama menyambut ulangtahun hari kemerdekaan ke 52 tahun biarpun dalam suasana serba ringkas tetapi meriah demi menyemarakkan lagi hari bersejarah itu di Dataran Usahawan, Kampus UMK, di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, pada 30 Ogos 2009. Majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed bersama-sama 800 warga UMK yang terdiri daripada staf dan pelajar Universiti.

Menurut Naib Canselor dalam ucapan perasmiannya, majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat Universiti pada tahun ini adalah kali ketiga diadakan dan terdapat sedikit perbezaan kerana kebetulan di sambut pada bulan Ramadan. Penyertaan staf dan pelajar pada malam ini menggambarkan perpaduan di kalangan kita yang jelas dapat dilihat pada sambutan kali ini. Kita perlu faham menerusi sambutan ini kita dapat menghormati dan memberi penghargaan kepada mereka yang berjuang untuk menegakkan kemerdekaan negara kita.

"Sebagai anak merdeka kita perlu sentiasa mengenang jasa pejuang kemerdekaan terdahulu yang banyak mengharungi cabaran semasa berjuang mencapai proses kemerdekaan tanpa pertumpahan darah. Seharusnya kita perlu bertanggungjawab meneruskan proses kemerdekaan ini melalui perjuangan dengan cara sendiri dengan menguruskan keamanan serta menghidupkan suasana keharmoniaan untuk memajukan dan membangunkan negara kita sehingga Malaysia dikenali sebuah negara maju serta disegani serta dicemburui negara lain," katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed, Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya, Pemangku Pendaftar UMK, Encik Pauzi Pak Chu, Dekan-dekan Fakulti dan pegawai-pegawai kanan UMK.

Pelbagai acara menarik turut di adakan pada program itu seperti Forum Kemerdekaan, persembahan sajak, nasyid, pentomin dan laungan merdeka serta upacara menaikkan Jalur Gemilang.

"Semangat perjuangan kemerdekaan perlu dikekalkan dengan keamanan yang dikecapi". – *Naib Canselor UMK.*

Pegawai-pegawai kanan Universiti mengibar jalur gemilang tepat detik 12 tengah malam.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN ISSN 1985 - 5451 Bil.4 Mei - Ogos 2009

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BULETIN TERAJU

www.umk.edu.my

Happy 2nd Anniversary UMK

ISSN 1985-5451

Muka depan
Tajuk : Teraju
Penyelaras : Syarimie
Fotografi : Mohd Al-Azam

Sidang Editorial

Pengurusan Universiti Malaysia Kelantan

Naib Canselor
Y.Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed

Timbalan-Timbalan Naib Canselor
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed
(Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)

Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
(Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

Pemangku Pendaftar
Mej. Pauzi Pak Chu

Timbalan Bendahari
En. Mohd Yusri Awang

Ketua Pustakawan
En. Azman Hashim

Sidang Pengarang

Editorial

Ketua Editor
Puan Wan Tik Sakinah Wan Mohd Zain
Pengarah Pusat Hubungan Korporat & Strategik

Editor
Y.Bhg. Prof. Madya Datin Rosnah Mohd Sirin
Cik Faidzah Shah Rum

Wartawan
Syarimie Wosley
Mohd Haniff Yusof

Fotografi
Mohd Al Azam Mat Razi

Editor Bersekutu
Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli

Prof. Madya Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Prof. Madya Hj . Abdul Aziz Abd. Shuaib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Prof. Madya Dr. Farok Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff
Pengarah Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi :
PUSAT HUBUNGAN KORPORAT DAN STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
Karung Berkunci 36, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu, Kelantan

Email : korporat@umk.edu.my
Telefon : 09 - 771 7000
Fax : 09 - 771 7022
Website : http://www.umk.edu.my

BICARA
Naib Canselor

Y.Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed
Naib Canselor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdullilah segala puji ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Salam sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan sempena ulang tahun kedua Universiti beroperasi di negeri Kelantan ini. Dalam tempoh itu sudah pastinya kita telah bersama-sama sedikit sebanyak menyumbang manfaat dan faedah kepada penubuhan serta pembangunannya.

Tanpa kita sedar, hari ini kita sudah melihat segala kemajuan dan perubahan yang berlaku sekelip mata di Universiti sejak dua tahun dahulu. UMK telah bergerak di landasan yang betul dengan menekankan kepentingan *stakeholder* bagi menyediakan pelajar/graduan berkualiti serta mampu menyumbang kepada pembangunan pendidikan negara.

Begitu juga, lima (5) Teras Strategi Pembangunan Universiti yang telah diguna pakai bagi memastikan pembangunan operasi UMK menepati visi dan misinya untuk bersaing dengan Universiti tempatan dan antarabangsa.

Terkini, telah banyak perubahan-perubahan yang berlaku berbanding tahun pertama UMK beroperasi. UMK berbangga dengan kejayaan menubuhkan empat (4) fakulti yang menawarkan program pengajian iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan; Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli; Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan dan Fakulti Perubatan Veterinar.

Selain itu, terdapat Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah dan Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME).

Bilangan pelajar UMK bertambah selepas pengambilan sulung 281 pelajar pada Julai 2007 dan jumlah ini meningkat kepada sekitar 1,200 pelajar pada tahun 2009. Bersesuaian dengan pertambahan itu, kemudahan infrastruktur seperti kolej kediaman, bilik kuliah, dan sebagainya juga dipertingkatkan.

Dalam kesempatan ini, saya juga merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat kumpulan perintis pertama yang telah bertungkus-lumus berkhidmat dengan penuh dedikasi untuk terus menjadi inspirasi kepada warga baru Universiti untuk melakukan yang terbaik.

Warga UMK turut mendoakan semoga Tuanku Canselor, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra sihat walafiat dan Raja Perempuan Kelantan, Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis Binti Almarhum Tengku Abdul Hamid dilimpah kurnia kesejahteraan yang berpanjangan.

Sekian, terima kasih.

UMK timba ilmu di Negara Tembok Besar



Delegasi UMK yang menyertai Persidangan Antarabangsa Pengajian Bahasa melayu Beijing di China.

TUJUH pelajar bersama dua pensyarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menyertai program **Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing 2009** bertempat di Beijing Foreign Study Univesity (BFSU). Persidangan ini berlangsung pada 3 Jun 2009 dan dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, **Y.A.B. Dato' Seri Najib bin Tun Abd. Razak**.

Pihak Universiti mengambil peluang keemasan ini untuk mempromosi UMK ke peringkat antarabangsa dengan mengadakan pameran dan demonstrasi pencorakan batik. Pameran yang diadakan menarik minat delegasi terutamanya warga BFSU sebagai tuan rumah.

Para pensyarah dan pelajar BFSU begitu kagum dengan hasil pameran dan demonstrasi batik yang dipersembahkan oleh delegasi Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Selain mempromosi UMK, pameran ini juga mampu mempopularkan nama Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan hasil kesenian dan warisan.

Kunjungan ke Beijing Foreign Study Univesity (BFSU) juga bermatlamat untuk menjalinkan hubungan dua hala antara kedua - dua universiti di samping mempelajari kaedah – kaedah BFSU dalam mewujudkan program – program antarabangsa. Perkongsian idea di kalangan universiti – universiti yang hadir juga mampu memberi pengalaman berguna kepada UMK dalam membangunkan universiti yang bertaraf antarabangsa.

Lawatan selama 5 hari ke Beijing berjaya dimanfaatkan sepenuhnya oleh para pensyarah dan pelajar UMK dengan mengunjungi tempat – tempat menarik dan bersejarah antaranya Kota Larangan (Forbidden City), Masjid Niujie, Tembok Besar China, Stadium Sarang Burung Olimpik 2008 dan Summer Palace (Dinasti King Palace).

Tapak pameran UMK tarik minat delegasi antarabangsa.

Kehalusan seni batik corak Malaysia antara produk yang dipamerkan.

Lawatan Ms. Fabienne Ricordel - Linguistic Attachee dari Kedutaan Perancis

Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menyambut kunjungan Ms. Fabienne Ricordel.

Staf UMK berkongsi ilmu dan pengalaman bersama Ms. Fabienne.

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi menjadi destinasi kunjungan tetamu antarabangsa apabila menerima kunjungan tetamu kehormat daripada Kedutaan Besar Perancis iaitu Ms. Fabienne Ricordel, pada 28 Julai 2009.

Ms. Fabienne merupakan *Linguistic Attachee* telah disambut mesra oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed di pejabatnya yang kemudiannya satu perbincangan telah diadakan bagi membuka ruang yang bermanfaat bagi kedua-dua pihak.

Perbincangan singkat secara tidak formal itu turut membincangkan beberapa prospek untuk menampung keperluan guru bahasa Perancis di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBPI) di UMK. Dalam perbincangan itu Ms. Fabienne turut menyarankan beberapa cadangan seperti seperti menawarkan pekerjaan (Guru/ Cikgu bahasa Perancis) untuk ekspatriat terutama orang-orang Perancis, tinggal di sini.

Dalam pertemuan singkat itu beliau turut memberikan maklumat tentang warganegara Perancis yang tinggal di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang serta beberapa pelajar dari pelbagai universiti Perancis yang belajar bahasa Perancis juga bersedia untuk bekerja sambilan di UMK.

Rundingan mengenai bayaran atau faedah untuk pelajar ini akan dibincangkan antara pihak beliau dan UMK dalam masa terdekat. Dalam kunjungan itu juga, Ms. Fabienne turut mencadangkan supaya pihak Universiti menawarkan pekerjaan dengan menggunakan aplikasi on-line dengan syarat serta kondisi pekerjaan yang spesifik dan jelas.

Setelah perbincangan ringkas itu Ms Fabbienne dihidangkan jamuan ringkas bersama Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai.

UMK jalin hubungan dua hala di Jepun

DALAM usaha meningkatkan hubungan dua hala terutamanya dalam pembangunan pendidikan di peringkat antarabangsa, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi mengunjungi negara matahari terbit susulan daripada beberapa siri lawatan sebelum ini.

Program lawatan ke Jepun itu telah berlangsung dari 19 Mei sehingga 21 Mei 2009. Rombongan dianggotai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya selaku ketua delegasi, Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Prof. Madya Dr. Dahlan bin Ibrahim dan Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Prof. Madya Dr. Farok bin Zakaria.

Misi utama lawatan itu adalah untuk melihat beberapa aktiviti yang boleh dijalinkan antara kedua-dua negara seperti pertukaran budaya, cara hidup, sistem pembelajaran dan beberapa aktiviti lain. Dalam pemerhatian delegasi terdapat beberapa peluang untuk diterokai secara bersama terutamanya menerusi Universiti Kibi dan Kurashiki. Misalnya pertukaran staf; latihan staf warisan untuk mempelajari tentang pemuliharaan di Universiti Kibi; lawatan dan pertukaran pelajar pelancongan dan teknologi kreatif ke Kurashiki; pensyarah atau profesor pelawat dari kedua-dua universiti tersebut dalam bidang pelancongan, seni halus dan pemuliharaan warisan.

Selain itu, pemeriksaan dan penilai luar negara untuk menilai program teknologi kreatif dan pelancongan di UMK juga boleh dijalankan di samping pembelajaran Bahasa Jepun bagi pelajar yang berminat untuk meneruskan pelajaran di Universiti Kibi, Jepun.

Dalam kunjungan selama tiga hari itu pihak delegasi UMK juga berkesempatan menandatangani *Letter Of Intent* antara General Presiden Kibi International University iaitu Mrs Miyako Kake yang diwakili oleh Presidennya, Mr. Fujita.

Pelajar UMK manfaat peluang keemasan lawat Bangkok

PEMENANG pertama Pertandingan Mengarang Esei anjuran Konsulat Di-Raja Thailand yang berpusat di Kota Bharu dirai menerusi program lawatan melancong ke Bangkok, Thailand selama enam hari bermula pada 5 Jun hingga 10 Jun 2009 lalu.

Rovindran Rajendran merupakan pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dipilih pemenang pertama bersama 10 penerima lain daripada pelbagai institusi pendidikan dari seluruh negara itu diraikan dengan melawat ibu negara Gajah Putih itu. Turut sama menyertai rombongan itu ialah Konsul Thailand di Kota Bahru, Mr Nittirooge Phonerprasert dan kakitangannya Mr. Eh Dam A / L Eh Sut.

Rombongan dibawa mengunjungi Royal Pikunthong Pusat Pengajian Pembangunan yang diasaskan oleh Yang Mulia Raja Rama Kesembilan yang membangun dan mengembangkan industri berasaskan pertanian di selatan wilayah Thailand. Projek Di-Raja itu ditubuhkan pada tahun 1982, telah berjaya memperbaiki kehidupan penduduk di sana menerusi industri menguntungkan menerusi penerapan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Pihak rombongan kemudian dibawa melawat ke Pusat Kebudayaan di Prince of Songkhla University untuk menyaksikan upacara rasmi yang dilaksanakan dalam sebuah bangunan yang dibina khas. Selain itu, pelawat juga berkunjung ke Grand Palace; Museum of Siam; Samutsongkhram (Amphava dikenali Pasar Terapung); The Dream World Theme Park dan lokasi membeli terkenal di Chatujak iaitu Weekend Market.

Persembahan Kebudayaan di Rose Garden adalah pengalaman istimewa buat rombongan untuk memahami lebih mendalam tentang budaya dan seni masyarakat Thailand yang kaya dengan keunikannya yang tersendiri. Ternyata pembangunan dan kemajuan yang dialami oleh Thailand tidak sedikit pun menjejaskan kebudayaan sebahagian besar penduduknya yang masih tebal dengan amalan tradisional mereka.

Rombongan turut berkesempatan melawat Vajiravudh College; Safari World Theme Park; Projek Diraja dan diakhiri dengan Upacara Pemberian Sijil kepada pemenang di Kementerian Luar Negeri Thailand.

Pemenang pertandingan mengarang esei dirai menerusi program lawatan melancong ke Bangkok.

Rovindran Rajendran (kiri) bersama deligasi Konsulat Diraja Thailand melawat Bangkok, Thailand.

Naib Canselor dan pegawai-pegawai kanan UMK memotong kek sebagai gimik pelancaran Majlis Sambutan Ulangtahun Kedua UMK Beroperasi.

Timbalan Naib Canselor UMK, menyampaikan cenderahati kepada Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal sebagai tanda penghargaan meneraju UMK.

Warga UMK mampu Realisasikan Hasrat Universiti

WARGA Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mampu mempertingkatkan sistem tadbir urus yang cekap; berintegriti dan berdaya saing bagi melahirkan modal insan bercirikan keusahawanan yang berkualiti di peringkat kecil serta global.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed menjelaskan bahawa Universiti ialah tempat menyediakan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penjanaan dan berkhidmat untuk masyarakat. Ini secara tidak langsung kita dapat melahirkan graduan yang diterima dan dikenali bukan sahaja di peringkat nasional malah di peringkat global.

"Selain itu, matlamat sebenar penubuhan sesebuah Universiti hanya dapat direalisasikan apabila graduan UMK mengamalkan sikap endah dan beretika untuk mencapai matlamat itu walaupun Universiti ini masih dalam proses pembangunan. Kita mahu melahirkan sebuah Universiti dan graduan yang berbeza", ujarnya semasa berucap di Majlis Sambutan Ulangtahun Kedua UMK Beroperasi, di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, pada 1 Julai 2009.

Sementara itu, pada sesi kemasukan pelajar 2009/2010 Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menerima 615 pelajar bagi mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda tahun pertama pada hari pendaftaran 28 Jun 2009 lalu.Tambah Prof. Zainai, kesemua pelajar tersebut akan mengikuti pengajian di empat fakulti utama iaitu di Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) manakala satu fakulti baru telah ditubuhkan iaitu Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).

Bagi kemasukan pelajar sesi 2007/2008 seramai 281 pelajar telah mendaftarkan diri untuk mengikuti program Ijazah Sarjana Muda, manakala pada sesi pengajian 2008/2009 jumlah pelajar seramai 314 orang.

Ini menjadikan jumlah terkini pelajar UMK ialah 1,210 pelajar (sehingga 15 Julai 2009)," katanya.

MINGGU MESRA MAHASISWA 3M

SEMPENA kemasukan pelajar baru bagi sesi 2009/2010, satu program Minggu Mesra Mahasiswa (3M) telah diadakan bermula 28 Jun hingga 4 Julai 2009 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Program Minggu Mesra Mahasiswa (3M) telah diatur padat dengan pelbagai aktiviti. Objektif program 3M ialah untuk memperkenalkan Universiti kepada pelajar khususnya berkaitan dengan suasana kehidupan dan proses pembelajaran dengan sempurna. Tumpuan utama semasa program 3M berlangsung ialah melaksanakan aktiviti berkaitan dengan akademik yang telah dikendalikan oleh pusat-pusat pengajian, pusat-pusat perkhidmatan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Antara pengisian utama aktiviti 3M ialah UMK Bersama Ibubapa; Kenali UMK dan Dialog Bersama Pegawai Kanan UMK. Program hari kedua diteruskan dengan Amanat Naib Canselor; Majlis Bacaan Ikrar; sesi taklimat Hal Ehwal Pelajar oleh Timbalan Naib Canselor (HEP) dan taklimat pembiayaan dan penajaan pelajar.

Dalam program itu juga pelajar diberi taklimat tentang peraturan, tatatertib, dasar negara dan tanggungjawab pelajar. Sementara itu, aktiviti-aktiviti sampingan seperti riadah, gotong-royong, sosial dan interaksi akan dijalankan di peringkat kolej kediaman secara berterusan.

Manakala majlis penutup program 3M berakhir dengan Malam Warna-Warni UMK yang disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (HEP), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed pada 4 Julai 2009.

Pegawai kanan UMK teraju utama Universiti Malaysia Kelantan.

Mahasiswa baru UMK mendaftar diri pada hari pertama pendaftaran.

Bacaan ikrar oleh 615 pelajar baru UMK sesi 2009/2010.

Universiti Pelaburan Besar Pendidikan Negara

TIMBALAN Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Saifuddin Abdullah menegaskan generasi muda hari ini perlu menilai sumbangan kerajaan yang memberi tumpuan besar kepada pembangunan pendidikan untuk kepentingan rakyat di negara ini.

"Kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah besar wang untuk pembangunan sesebuah Universiti contohnya Universiti Malaysia Kelantan di negeri ini. Peruntukan ini juga dikhaskan untuk penyelenggaraan kampus yang sedia ada seperti USM (Kubang Kerian), Universiti Malaya (Nilam Puri), Universiti Teknologi Mara (Kota Bharu dan Machang), Politeknik cawangan di Kota Bharu dan Jeli serta Kolej Komuniti.

"Pelaburan dari segi pendidikan ini kita akan laksanakan dimana-mana sahaja di seluruh negara demi kepentingan generasi pada masa depan. Tidak kira di bawah pemerintahan sesiapa sekali pun. Saya harap anak muda di negeri Kelantan akan dapat menilai sumbangan yang disediakan oleh kerajaan dari segi pembangunan di peringkat Institut Pengajian Tinggi di negara ini," ujarnya kepada pemberita dalam sidang media selepas Majlis Amanat kepada Pemimpin Pelajar UMK, di Pengkalan Chepa pada 12 Julai 2009.

Sementara itu, beliau juga menjelaskan bahawa pembinaan kampus tetap UMK di Tangok, Bachok akan siap pada penghujung tahun 2010 dan beroperasi pada 2011 sempena kemasukan pelajar baru. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Y.Bhg. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed dan Pengarah ISME, Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif.

Y.B. Dato' Saifuddin Abdullah.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bersama-sama anggota kepimpinan tertinggi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2009/2010.

UMK REALISASI IMPIAN RAKYAT KELANTAN

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B. Dato' Mustapa Mohamed dan Pengerusi LPU, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman mendengar penerangan oleh Naib Canselor UMK tentang tapak kampus UMK di Jeli.

IMPIAN rakyat Kelantan selama 30 tahun untuk memiliki Universiti menjadi kenyataan menerusi peruntukan perbelanjaan pembinaan sebanyak RM204 juta dalam RMK-9 bagi membangunkan kampus tetap UMK di Bachok, kampus Jeli serta kampus sementara di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Y.Bhg. Dato' Mustapa Mohamed berkata, daripada jumlah itu sehingga kini kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM34 juta untuk kampus sementara di Taman Bendahara.

"Kerajaan juga telah meluluskan RM125 juta untuk pembinaan kampus utama di Bachok. Daripada jumlah itu sebanyak RM25 juta dibelanjakan untuk pengambilalihan tanah dan RM100 juta untuk kerja-kerja pembinaan bangunan. Di kampus Jeli pula sebanyak RM15 juta diperuntukkan iaitu RM2 juta untuk pembinaan pagar dan RM13 juta untuk bayaran pampasan kepada pemilik tanah. Ia menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM204 juta," katanya ketika ditemui pada majlis kesyukuran kampus UMK di Gemang, Jeli, pada 17 Mei 2009.

Beliau berkata, bagi menampung pelajar tambahan permohonan peruntukan tambahan pada RMK-10 akan dibuat bagi membolehkan pembinaan bangunan- bangunan dan kemudahan lain dapat dilaksanakan.

"Pada masa sekarang jumlah pelajar adalah 1200 orang. Kapasiti UMK di Taman Bendahara hanya mampu menampung jumlah seramai 2000 pelajar. Dua tahun lagi kampus akan dipindahkan dan kita jangka kampus Bachok dan Jeli akan siap pada penghujung Oktober 2010.

"Kita jangka kampus sementara akan digunakan dalam tempoh dua tahun lagi dan sebahagian pelajar akan ditempatkan di Bachok dan Jeli," katanya. Menurut Dato' Mustapa, kampus di Taman Bendahara tetap ada untuk digunakan bagi program-program tertentu.

Dato' Mustapa menyempurnakan perasmian Majlis Kesyukuran Projek kampus Jeli UMK.

SEMINAR KELUARGA BAHAGIA 2009

BERTEMPAT di Dewan Kuliah 3 dan 4, Universiti Malaysia Kelantan, satu program Seminar Keluarga Bahagia anjuran Unit Islam Pembangunan Nilai (UNIPEN) telah diadakan pada 28 Mei 2009. Program ini adalah program pertama yang dianjurkan oleh UNIPEN sebagai salah satu usaha pengisian rohani untuk memberi kefahaman kepada staf muslimin dan muslimat mengenai institusi kekeluargaan Islam sebagaimana yang digariskan oleh Allah SWT dan rasul.

Ceramah dan seminar ini telah disampaikan oleh Pegawai Agama Jajahan Kota Bharu, Ustaz Suratemi bin Mat Yussof dan Ustazah Rohani binti Mohd Noor.

Objektif utama program memberi kesedaran kepada staf Universiti tentang kepentingan memahami aspek psikologi dalam berumahtangga. Menerusi ceramah itu warga UMK akan dapat membentuk keluarga yang mampu menangani atau mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah rumahtangga dan anak-anak, seterusnya membina institusi kekeluargaan yang cemerlang dan berkualiti.

Secara tidak langsung ia dapat memberi informasi dan keterangan kepada peserta tentang konsep kebahagiaan rumahtangga. Menjadi platform untuk membetulkan diri dalam mengharungi hidup sebagai ahli dalam sesebuah keluarga.

Ustaz Suratemi bin Mat Yussof.

Sebahagian peserta seminar terdiri daripada staf UMK mendengar taklimat yang disampaikan penceramah.

Ustazah Rohani binti Mat Noor.

Penceramah yang di undang khas dari IPKB Kota Bharu

Program Marhaban Ya Ramadan

SEMPENA kedatangan bulan Ramadan al- Mubarak 1430 satu ceramah tentang keberkatan bulan Ramadhan telah diadakan di Surau Universiti Malaysia Kelantan (UMK), pada 11 Ogos 2009.

Program ini bertujuan menghidupkan roh Ramadhan, serta mengeratkan ukhwah di antara staf dengan pelajar UMK. Selain itu, matlamat penganjuran program ini adalah untuk menjadikan Ramadhan kali ini merupakan Ramadhan yang terbaik bagi warga UMK. Penceramah undangan khas adalah Pensyarah kanan Institut Perguruan Kota Bharu (IPKB) Ustaz Mustafa bin Mad Daud.

AHLI JAWATANKUASA KERiS 2009/2011

NAIB CANSELOR Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed bersama **Ahli Jawatankuasa KERIS 2009/2011** terdiri daripada En. Ngadiso bin Darus (**Jabatan Sukan**); En. Kamarudin bin Abd. Kadir (**Jabatan Perpustakaan**); Cik Wan Noor Azimah bt. Wan Muhammad (**Jabatan Bendahari**); Puan Norlia bt. Abdul Rahman (**Jabatan Pendaftar (BPO)**); Puan Kho Siew Leen (**FTKW**); En. Mohd. Akhmal bin Abu Bakar (**Jabatan Pendaftar (BPO)**; En. Mohd. Adzwan bin Kamaruzaman (**HEP**); Puan Hilmoon bt. Che Din @ Noordin (**FKP**); En. Mohd. Noor Redza bin Zakaria (**Infra**); En. Mohd. Binyamin bin Che Yaacob (**UNIPEN**); Cik Noraini bt. Idris (**Jabatan Pendaftar (PSM)**; En. Wan Ahmad Khairul bin Wan Ahmad Najib (**HEP**); Puan Linira bt. Ghazali (**PPBPI**); Tuan Hj. Supian Sori bin Wan Abdullah (**HEP**); Puan Sakinah bt. Abdul Rahman (**Jabatan Bendahari**); En. Mohd. Asri bin Ya'acob (**Jabatan Perpustakaan**) dan Cik Nawwal bt. Abdul Kadir (**FTKW**).

Manakala AJK Keris yang tiada dalam gambar ialah En. Zainal Abidin bin Ismail (**Jabatan Pendaftar (BPA)**; En. Zafrin bin Abdul Rahman (**Jabatan Pendaftar (PSM)**); Cik Rosmawati bt. Hj. Isa (**Jabatan Pendaftar (PSM)**); En. Fauzi bin Ab.Lah (**FTKW**); En. Wan Salman bin Wan Salleh (**Keselamatan**); Puan Sharifah Duhaija bt. Syed Jaafar (**FASA**) dan Cik Roziatun bt. Mohd. Sayuty (**ICT**).

Sejarah penubuhan Kelab Kebajikan dan Rekreasi Staf (KERiS) bermula dengan penubuhan AJK PROTEM pada awal 2008 yang bertujuan untuk memberi tumpuan kepada Hal Ehwal kebajikan Staf UMK. Keris telah didaftarkan secara rasmi oleh ROC pada 21 Oktober 2008. Dalam usaha memantapkan penubuhannya, satu pemilihan kepimpinan baru AJK KERiS 2009-2011 telah diadakan pada Mac 2009.

MEMARTABATKAN WARISAN

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) mengambil langkah pro aktif dengan mengembalikan semula kegemilangan seni persembahan Makyung yang semakin terpinggir dan dilupai oleh generasi muda pada hari ini. Menerusi kerjasama dengan Kumpulan Budaya Seri Temenggung satu persembahan makyung berjudul "*Cerita Dewa Muda*" telah dipersembahkan di Kampung Gunung, Bachok, Kelantan pada 25 Jun 2009.

Makyung merupakan sebuah tarian Melayu yang menggabungkan unsur-unsur ritual, lakonan dan tarian, muzik vokal dan instrumental lagu. Persembahan Makyung juga diselang-seli dengan cerita serta teks percakapan yang formal dan bersahaja. Catatan sejarah tentang Makyung dikatakan telah wujud sejak 200 tahun lalu di Kelantan. Manakala di Pattani, Makyung mula bertapak sejak 400 tahun lalu. Dalam tradisi permainan Makyung lazimnya akan dimulakan dengan acara yang dipanggil "Buka Panggung" sebagai ritual yang diadakan untuk tujuan tertentu.

Semasa persembahan buka panggung pawang, atau bomoh akan memulakan dengan bacaan doa, ayat-ayat suci al-Quran dan asapan kemian ke seluruh kawasan pentas. Ini menandakan permainan Makyung akan dimulakan. Keunikan Makyung juga teserlah menerusi penggunaan bahan-bahan seperti beras kunyit untuk ditaburkan di pentas, pulut kuning, telur dadar, bertih, sireh pinang sepiak, arang, ketupat, pisang air bunga, sebatang rokok daun, benang mentah dan wang pengeras. Manakala alat muzik yang digunakan ialah rebab, gendang, gong, gedombak, kesi, canang dan serunai.

Menerusi beberapa siri penganjuran ini juga akan memberi ruang di samping menyediakan lembaran baru kepada penubuhan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. (FTKW) dan pelajar Universiti yang selaras dengan visi, misi dan objektif penubuhannya.

Secara tidak langsung FTKW sebagai pemangkin dalam usaha memelihara dan menyambung warisan seni dan budaya tradisi silam itu.

Persembahan seni warisan makyung menarik minat pelajar UMK

Sebahagian bahan-bahan ritual bagi persembahan makyung.

ITEX 09 : UMK Menang Dua Perak Dua Gangsa

FAKULTI Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan melakar sejarah apabila merangkul dua perak dan dua gangsa menerusi *International Innovation & Technology Exhibition 2009* (ITEX 09) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre pada 15 hingga 17 Mei 2009 yang lalu.

FTKW telah menghantar empat penyertaan dalam kategori industrial design dengan memenangi anugerah pingat perak menerusi ciptaan *Vegetable Seed Machine* dan *Car Rain Kit*. Manakala, hasil ciptaan *Ablution Dryer* dan *Tiller* berjaya memenangi pingat gangsa.

Peserta UMK terdiri daripada En. Irwan Syah B. Md. Yusoff; En. Muhammad Najibul Muthiee B. Che Yaacob dan ahli kumpulan seramai tiga orang. Penyertaan julung kali itu berjaya menerima maklumbalas baik daripada pengunjung untuk mendapatkan produk ciptaan UMK sepanjang pameran berlangsung.

Pengarah Urusan Les' Copaque Sdn. Bhd. Tuan Haji Burhanuddin Mat Ghazi.

Industri Animasi Kreatif

Pengerusi LPU menyampaikan cenderahati penghargaan kepada penceramah CLS ke 9.

CLS 9
CHAIRMAN LECTURE SERIES



FILEM Animasi Upin & Ipin terbitan **Les' Copaque Sdn. Bhd.** antara contoh filem animasi keluaran tempatan yang berjaya memartabatkan industri animasi kreatif negara. Penggunaan teknologi canggih dan terkini oleh produksi tempatan membuatkan filem itu setaraf kualitinya dengan animasi antarabangsa malah kejayaan itu memberi nafas baru kepada penerbitnya.

Pengarah Urusannya, Tuan Haji Burhanuddin bin Mad Ghazi berkata, paling membanggakan filem terbitannya itu menjadi ikon kepada industri animasi kreatif di negara ini. Pembikinan filem animasi itu dibuat setelah melihat peluang yang terbuka luas dalam industri animasi kreatif ini. Beliau berkata, pihaknya menghabiskan masa selama lapan bulan bagi penyelidikan untuk menerbitkan sebuah filem animasi kreatif.

"Bersama-sama lapan graduan lepasan ijazah, kami mengembangkan sistem latihan kami sendiri dengan menggunakan teknologi yang kami miliki. Filem ini merupakan animasi bertaraf antarabangsa menggunakan klon PC. Perniagaan ini adalah berdasarkan R & D tetapi kami tidak sewenang-wenangnya meniru teknologi ini sebaliknya kami membuat penyelidikan dan kembangkan teknologi tersebut," katanya ketika menyampaikan ceramah pada Program *Chairman Lecture Series 9* bertemakan *"Entrepreneurship In Creative Industries"* di sebuah hotel di Kota Bharu, pada 25 Julai 2009.

Kejayaan yang dicapai oleh Les' Copaque Sdn. Bhd. dalam animasi kreatif turut mendapat pengiktirafan pelbagai pihak apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri turut mengisytiharkan watak Upin & Ipin menjadi maskot rasmi kementerian itu. Malah, Bank Rakyat juga berjanji untuk menggunakan barang niaga syarikat Les' Copaque untuk kerja-kerja promosi mereka yang melibatkan produk berjumlah ratusan ribu unit bagi setiap barang.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya, turut menyampaikan ceramah pada program CLS 9 itu turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman.

MENJANA PENDAPATAN MELALUI TERNAKAN CACING

MELIHAT kepada potensi cacing yang tinggi di pasaran pada hari ini Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA) telah menganjurkan Kursus Latihan Ternakan Cacing yang bertemakan "Menjana Pendapatan Melalui Ternakan Cacing" bertempat di Kampus UMK, Pengkalan Chepa, pada 27 hingga 28 Mei 2009.

Seramai 80 peserta menghadiri kursus selama dua hari itu yang memberikan pendedahan dan melatih peserta untuk mengusahakan sendiri ternakan cacing sebagai satu industri kecil-kecilan dengan menggunakan sumber asli yang ada.

Permintaan nilai tinggi di pasaran seperti spesis Cacing Harimau (Tiger Worm/ Eisenia foetida) kerana ia adalah salah-satu species cacing yang tergolong di dalam kumpulan cacing kompos/ Vermikompos. Selain itu beberapa spesies yg sesuai digunapakai untuk industri Vermikultur/ Vermikompos di dalam keadaan negara Malaysia termasuk Cacing Merah (Red Worm/ Lumbricus rubellus); African Nightcrawlers/ Eudrillus Eugeniae. Pheretima elongata dan Cacing Biru (Blue Worm/ Perionyx excavatus).

Bekalan cacing yang tidak dapat menampung permintaan menyebabkan harganya melambung sehingga mencecah RM 100 sekilogram. Tenaga Pengajar Kursus Terdiri daripada pensyarah dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), penternak cacing yang berjaya dan wakil persatuan pengguna (NGO) yang terlibat dalam vermikompos.

PROGRAM BAKTI SISWA UMK 2009

Platform dekati masyarakat

KOR Sukarelawan Polis Siswa (SUKSIS) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menganjurkan Program Bakti Siswa 2009 bertempat di Kampung Tujuh, Pantai Seri Tujuh, Tumpat, Kelantan pada 11 hingga 16 Mei 2009. Program ini merupakan program khidmat sosial atau khidmat masyarakat yang memberi penekanan kepada aktiviti kesukarelawan bagi membantu masyarakat meningkatkan keupayaan sosio-ekonomi mereka.

Program bakti siswa ini menggunakan modul yang telah dirangka dan dilancarkan dengan rasminya oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin pada 8 Mac 2009.

Majlis perasmian program dan penyerahan anak angkat kepada keluarga angkat telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed yang melibatkan 40 buah keluarga di sekitar kampung tersebut.

Menurut Penolong Pendaftar HEP, Mohd Adzwan bin Kamaruzaman, setiap keluarga angkat menerima dua orang pelajar UMK sebagai anak angkat yang tinggal bersama sepanjang lima hari program berlangsung. Para peserta akan melibatkan diri secara aktif dengan aktiviti-aktiviti berbakti kepada masyarakat berbekalkan ilmu pengetahuan, tenaga dan buah fikiran bergantung kepada aktiviti yang telah diaturkan.

"Pelbagai program lain juga diadakan seperti aktiviti sosial yang menekankan perpaduan dan pendidikan melalui projek kerja-kerja amal dan kebajikan desa, pengurusan masa kepada ibu bapa dan anak-anak, kesedaran kenegaraan, aktiviti rekreasi dan juga sukan.

"Pada masa yang sama kami turut memberi pendedahan kepada masyarakat setempat tentang kes-kes jenayah yang berleluasa sekarang melalui ceramah dan pameran daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanya.

Sementara itu, majlis penutup program selama lima hari itu telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai hadir menyempurnakan perasmian dan penyerahan anak angkat kepada penduduk kampung.

Penyampaian sijil kepada keluarga angkat sebagai tanda penghargaan.

Bakti siswa teras Kecemerlangan Modal Insan

SIRI Kedua Program Bakti Siswa UMK 2009 diteruskan di Kampung Mercu Jaya, Tanah Puteh, Gua Musang, Kelantan pada 7 hingga 12 Jun 2009 membabitkan 80 pelajar dan 35 buah keluarga. Program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) kali ini adalah kesinambungan daripada program tahun 2008.

Program itu bertujuan menjalinkan hubungan silaturahim yang berkesan antara mahasiswa dengan penduduk kampung serta masyarakat sekitar, pemimpin masyarakat, badan-badan pentadbiran Awam, Jabatan Kerajaan, Swasta dan Institusi Pengajian Tinggi.

Menurut Penolong Pendaftar HEP, Mohd Adzwan bin Kamaruzaman, program ini bertujuan mengukuhkan semangat perpaduan dan setiakawan selain komitmen masyarakat untuk membolehkan mereka menangani cabaran dunia global pada masa depan.

"Kumpulan sasaran utama dalam program ini ialah keseluruhan masyarakat kampung yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam program bakti siswa ini. Pelajar-pelajar Sekolah Menengah dan Rendah yang berada di kampung itu akan berkongsi pengalaman kejayaan pelajar yang berjaya memasuki Universiti," katanya.

Sempena program itu, majlis perasmian dan penyerahan anak angkat telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mortaza bin Mohamed manakala majlis penutup oleh Pengurus Wilayah KESEDAR Gua Musang, Tuan Haji Ahmad Ahnal bin Othman.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti program penghayatan hidup di desa. Dalam program ini, peserta diberi pendedahan terhadap suasana kehidupan di kampung merangkumi aspek sosio-ekonomi dan budaya setempat.

Sebahagian 80 pelajar UMK yang terlibat dalam program anak angkat Bakti Siswa di kampung Mercu Jaya, Gua Musang.

Aktiviti gotong-royong sepanjang program berlangsung di kampung berkenaan.

"PENGALAMAN SEORANG USAHAWAN"
PRIME ENTREPRENEURIAL LECTURE SERIES 3

DALAM usaha melahirkan lebih ramai usahawan berkualiti, sekali lagi Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) menganjurkan Program Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS) siri III/2009 bertempat di Dewan Wawasan, Institut Perguruan Kota Bharu, Pengkalan Chepa, pada 18 Julai 2009.

Program bertemakan "Pengalaman Seorang Usahawan" ini adalah kesinambungan daripada PELS sebelum ini sebagai salah satu program sokongan pembelajaran yang dianjurkan oleh FKP selain daripada program Chairman Lecture Series anjuran Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Penceramah undangan PELS kali ini ialah Pengarah Urusan Sipro Plastic Industries Sdn. Bhd. , Puan Noraini binti Soltan iaitu salah seorang usahawan yang berjaya dalam industri penghasilan produk plastik di negara ini.

Bersempena program itu turut diadakan Majlis Penyampaian Sijil dan Cenderamata kepada 36 pelajar cemerlang FKP yang menerima anugerah Dekan Fakulti bagi Semester II Sesi 2008/2009 yang disempurnakan oleh Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Y.Bhg. Prof Madya Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim.

PELS diadakan bertujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar UMK kepada amalan serta strategi keusahawanan terkini seperti yang diamalkan oleh tokoh korporat yang berjaya.

Pengarah Urusan Sipro Plastic Sdn. Bhd., Noraini binti Soltan.

Program ini mampu membuka minda pelajar kepada pemikiran yang lebih terbuka, kreatif dan inovatif. Adalah diharapkan agar program PELS dapat merapatkan lagi hubungan (network) Fakulti dengan masyarakat usahawan setempat dalam program kerjasama yang bakal dijalankan oleh pelajar dan staf Fakulti pada masa akan datang.

Sehingga kini, program PELS telah diadakan sebanyak empat kali sebelum ini. Program PELS pertama telah diadakan di Institut Perguruan Kota Bharu (IPKB) bersama mantan Naib Presiden Maybank, Dato' Mohammed bin Hussein dengan ceramah bertajuk *'Creating a Performance - Driven Culture'*. PELS kedua diadakan di Perdana Beach Resort dengan ceramah bertajuk *'Branding and Retail Industry'* oleh Dato' Haji Ameer Ali Mydin (Mydin Mohamed Holdings Berhad).

Program PELS yang ketiga pula bersama Pengarah Urusan Four Seasons Restaurant Sdn Bhd, Y.Brs. En Chan Chuen Ong (Tiong) di kampus UMK dengan ceramah bertajuk "Pengalaman Seorang Usahawan". Program PELS yang keempat telah diadakan di Dewan Besar, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) dengan ceramah bertajuk Pembangunan Industri Pelancongan Malaysia pengkhususan kepada negeri Kelantan oleh Pengarah Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kelantan (MTPnK), Y.Bhg. Tuan Haji Sulaiman bin Ismail.

Penerima Anugerah Dekan Semester dua sesi 2008/2009.

MAJLIS MENANDATANGANI MoU
Universiti Malaysia Kelantan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar

USAHA berterusan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam menerajui program akademik yang kompetan dan berorientasikan pasaran dibuktikan menerusi penubuhan Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) untuk melahirkan modal insan berkualiti kelas pertama di negara ini.

Naib Canselor UMK, Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed berkata penubuhan FPV bagi mengisi kekurangan profesional dalam bidang kedoktoran perubatan disamping dapat memainkan peranan aktif dalam menyokong keupayaan pembangunan industri penternakan yang sangat diperlukan oleh negara.

"FPV merupakan fakulti keempat yang ditubuhkan di UMK dan Universiti kedua di negara ini yang menubuhkan fakulti berkenaan selepas Universiti Putra Malaysia (UPM). Kumpulan perintis seramai 39 orang pelajar telah memulakan pengajian pada sesi Julai 2009/2010 lalu. Kita jangka dapat melahirkan pakar dalam bidang perubatan veterinar menjelang tahun 2014 dan secara tidak langsung kita mampu menampung keperluan tenaga mahir dalam bidang tersebut," jelas beliau selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMK dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan Pelancaran Laman Web FPV di kampus UMK pada 16 Ogos 2009.

Memorandum itu ditandatangani oleh Prof. Zainai manakala JPV diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abdul Aziz Jamaluddin disaksikan oleh Pengarah JPV Kelantan, Datuk Dr. Zairi Serian dan Dekan FASA, Prof. Dr. Ibrahim Che Omar. Tambah Prof. Zainai, UMK telah diberi mandat dan kepercayaan untuk membangunkan FPV disamping menyokong perancangan JPV untuk menubuhkan zon bebas (penampang) di negeri ini. "Kemudahan makmal dan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Vaksin Dominan yang akan ditubuhkan tidak lama lagi di kampus Jeli akan mengurangkan masalah penyakit kuku dan mulut untuk membantu industri pertanian dan penternakan. Kita juga akan membantu menguatkan pembelajaran ilmu dan kepakaran bagi meningkatkan keupayaan mewujudkan tenaga Doktor Veterinar menerusi 30 hingga 40 graduan yang kita lahirkan setiap tahun," katanya

Asean Learning Network Meeting 2009

UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) menjadi tuan rumah kepada Asean Learning Network Meeting (ALN) kali kedua yang disertai oleh lima perwakilan daripada Universiti Asean. Mesyuarat tersebut telah diadakan di kampus UMK, Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 8 Jun 2009. Peserta dari lima Universiti itu terdiri daripada ***Prof. Surna Tjahja Djajadiningrat*** *dan* ***Dr. Agung Wicaksono*** dari *Institut Teknologi Bandung, (ITB);* ***Prof. Dr. Li Choy Chong*** *(St. Gallen University of Switzerland);* ***Ms. Dinh Thi Ngoc Lien*** *(Banking University of Ho Chi Minh City);* ***Ms. Nguyen Thi Ngo Nga*** *(Banking University of Ho Chi Minh City); Dr. Yusuf Talek (Prince Songkla University)* dan ***Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed*** *(UMK).*

Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai menjelaskan idea penubuhan ASEAN Learning Network adalah hasil perbincangan antara beberapa Universiti di atas termasuklah San Beda College, Filipina untuk mempromosikan kolaborasi pengajian antara universiti-universiti di peringkat ASEAN khususnya dalam bidang keusahawanan sosial. Kumpulan itu telah memformulasikan konsep tersebut menerusi hasil perjumpaan kali pertama di Bandung, Indonesia pada bulan Februari 2009 dan telah bersetuju untuk memperluaskan keahlian mereka di peringkat antarabangsa.

Sempena mesyuarat ALN itu, pihak delegasi turut membuat beberapa lawatan antaranya ke program Kemasyarakatan Bakti Siswa UMK di Mercu Jaya, Tanah Putih, lokasi pelancongan homestay di Gua Batu Madu dan tapak Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS), Mukim Batu Papan, Gua Musang, Kelantan serta Pusat Peranginan Tanah Tinggi di Cameron Highlands, Pahang.

Delegasi Asean Learning Network

Delegasi Asean Learning Network melawat beberapa lokasi perusahaan kecil dan sederhana di kampung Tanah Puteh, Gua Musang, Kelantan.

Program Homestay di Gua Batu Madu, Gua Musang berpontensi tarikan pelancongan.

Naib Canselor UMK bersama delegasi ALN 2009.

Biodata

Nama	:	**Prof. Dr. Azizul Halim Bin Yahya**
Jawatan	:	**Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)**
Jabatan	:	**Jabatan Canselori**
Pendidikan	:	**Ph.D (Advertising), Loughborough University, UK.**
Pengalaman	:	

- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa),UMK
- Timbalan Naib Canselor (Hubungan Antarabangsa dan Komunikasi Korporat),UiTM
- Dekan Fakulti Pengajian Media dan Komunikasi, UiTM
- Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Media dan Komunikasi, UiTM
- Ketua Program Periklanan, Kajian Sebaran Am, UiTM

UMK di persada antarabangsa

Jabatan Hal Ehwal Akademik (JHEA) adalah satu komponen penting dalam sesebuah Universiti kerana jabatan ini dipertanggungjawabkan secara total untuk memastikan segala aktiviti dapat mencapai jaminan kualiti akademik. Selain itu, jabatan ini juga akan memastikan pembangunan staf akademik adalah mengikut piawaian yang sentiasa di pantau dari semasa ke semasa. Untuk mengulas lebih lanjut peranan JHEA, ikuti sesi wawancara TERAJU bersama Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim bin Yahya

Apakah perancangan dan pelan pelaksanaan yang diambil bagi memastikan pembangunan akademik di Universiti?

Jabatan Hal Ehwal Akademik sentiasa mencari strategi untuk memperkembangkan program akademik yang baru termasuklah penubuhan fakulti. Segala perancangan dan pelaksanaan akan dipastikan mengikut hala tuju, visi dan misi Universiti dapat diterjemahkan dan dipersembahkan dalam ko-kurikulum termasuklah program yang ditawarkan. Ini untuk memastikan Universiti sentiasa disegani dari aspek aktiviti akademik seperti penyelidikan dan penerbitan yang akan dijalankan menerusi JHEA. Manakala, dasar penyelidikan perlu dilihat dengan lebih serius dan terperinci malah bersesuaian dengan falsafah Universiti. Kita juga akan memastikan dana atau bagaimana dan siapa yang akan membiayai kos penyelidikan ini. Penyelidikan ini adalah penting kerana hasil penemuan penyelidikan ini akan digunakan dalam bilik kuliah untuk pengajaran dan pembelajaran.

Manakala menerusi aspek penerbitan dan penulisan segala hasil penemuan akan didokumentasikan dalam bentuk kertas kerja atau artikel dan buku. Secara tidak langsung ini akan memperkayakan penerbitan Universiti dan dengan konsep ini akan memberi lonjakan untuk UMK "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi" dengan universiti-universiti lain. Selain itu, pihak JHEA juga akan bekerjasama dengan jabatan sumber manusia untuk memastikan semua pengambilan staf akademik bersesuaian dengan keperluan dan kehendak Universiti di samping cadangan atau saringan akan sentiasa dipantau mengikut garis panduan pejabat hal ehwal akademik.

Bagaimana proses pengantarabangsaan pelajar di peringkat Universiti?

Dari aspek pengantarabangsaan pelajar, perkara ini telah menjadi salah satu modus operandi di Universiti. UMK walaupun masih baru tetapi kita telah berusaha meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar antarabangsa. Kita mampu berbangga kerana pada hari ini kita sudah ada dua pelajar antarabangsa dari Thailand. Dari segi promosi kita sentiasa berkerjasama dengan Pusat Hubungan Korporat dan Strategik (PHKS) untuk mempromosikan program akademik di dalam negeri dan luar negeri. Dasar kita ialah pada tahun 2020 kita sudah mampu mempunyai seramai 10 peratus pelajar UMK terdiri daripada pelajar antarabangsa. Proses itu perlu dimulakan sekarang. Proses pemilihan pelajar antarabangsa perlu dilihat dari aspek tawaran program pengajian, kemudahan tempat pembelajaran, kemudahan penginapan dan kejelasan dari segi kebajikan pelajar. antarabangsa perlu dinyatakan.

Adakah pengambilan pelajar antarabangsa ini akan memberi impak besar kepada pembangunan dan kualiti graduan di UMK?

Pihak jabatan akan sentiasa memastikan kaedah terbaik supaya UMK menjadi pilihan pelajar antarabangsa. Objektif utama pengambilan pelajar antarabangsa adalah untuk mendedahkan pelajar kita dengan cita rasa antarabangsa. Sikap bersaing dan berlumba akan wujud apabila adanya pelajar antarabangsa. Cara berkomunikasi secara tidak langsung akan diubahsuai bila mereka berkomunikasi dan ini akan memastikan pensyarah kita dapat memberi kuliah dalam bahasa yang digunakan serta dapat difahami oleh pelajar antarabangsa ini.

Dengan adanya pelajar antarabangsa secara tidak langsung mereka akan menjadi duta kepada negara kita apabila mereka pulang ke negara masing-masing. Apa yang baik itu akan dimaklumkan kepada masyarakat di tempat asal mereka. Dengan adanya pelajar luar negara itu juga jaringan antarabangsa akan wujud dan ini penting dari proses pecambahan ilmu; proses pertukaran kakitangan dan sedikit sebanyak akan membantu pertumbuhan ekonomi negara. Kita juga sering mengadakan promosi ke luar negara secara berkala mengikut strategi garis panduan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) menerusi program bersama delegasi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain. Sehingga hari ini kita pernah mempromosi UMK ke luar negara contohnya di India, Indonesia dan Filipina.

Sejauhmana kemampuan pelajar UMK untuk bersaing dengan kualiti pelajar IPT lain di peringkat lokal & antarabangsa?

Dari segi kemampuan, saya percaya pelajar UMK memiliki kemampuan untuk bersaing dengan pelajar Universiti lain dan kebanyakan Universiti pada hari ini mempunyai latar belakang dari pelbagai tahap pencapaian. Walau bagaimanapun, dengan sikap gigih pensyarah dan pelajar kita untuk menjadi yang terhebat dan cemerlang kita boleh melakukannya. Kejayaan ini telah dibuktikan sejak kebelakangan ini menerusi beberapa pertandingan atau projek pelajar yang berjaya mendapat perhatian masyarakat di luar sana. Ini menunjukkan kita mampu untuk bersaing dan tidak mustahil pada masa lima tahun akan datang lebih banyak lagi kejayaan kita akan capai.

Selain itu, struktur program yang dilaksanakan di Universiti ini juga merangkumi pelbagai bidang pembelajaran di dalam dan luar kelas. Menerusi kursus Kemasyarakatan dan Pembangunan Ekonomi serta latihan industri yang dijalankan oleh pelajar itu juga akan memberi pendedahan yang akan mempercepatkan proses pembelajaran mereka. Kita juga telah membawa pelajar kita merentasi sempadan antarabangsa seperti ke Indonesia, China, Thailand dan sebagainya. Kita yakin dan percaya, dengan kaedah ini mereka akan menjadi graduan yang serba lengkap, berkeyakinan, mempunyai kualiti kepimpinan dan kod etika kemanusiaan sentiasa diamalkan.

Apakah hasrat dan harapan Y.Bhg. Prof. terhadap hala tuju Universiti Malaysia Kelantan?

Sebagai Timbalan Naib Canselor yang dipertanggungjawabkan menjaga hal ehwal akademik dan antarabangsa, saya akan memastikan program yang ditawarkan di Universiti ini berada pada tahap kualiti yang tinggi dan dihormati serta menepati kehendak stakeholder. Ini hanya boleh dipastikan dengan sokongan warga UMK tidak kira di peringkat mana sekali pun. Kita akan mewujudkan lebih banyak lagi program yang berbeza dan terkini ditawarkan di UMK.

Begitu juga dengan pencapaian pensyarah akan dilihat dengan kelayakan yang setimpal dan tertinggi. Dalam masa sepuluh (10) tahun akan datang saya berazam bahawa semua staf akademik akan memiliki Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dan seterusnya dalam bidang penyelidikan saya ingin melihat semua staf akademik mendapat jumlah geran yang tertinggi. UMK harus bersedia untuk ke peringkat lebih tinggi pada suatu hari nanti. Semua usaha ini akan dapat direalisasikan menerusi dasar polisi yang jelas dan sokongan yang diberikan oleh warga UMK.

Majlis Sambutan Ulangtahun Kedua

Majlis Penutup Program Minggu Mesra Siswa (3M) pada 4 Julai 2009.

Mesyuarat Jawatankuasa Naib-Naib Canselor dan Rektor IPTA pada 29 Julai 2009.

Lawatan kerja UMK ke Hospital Queen Elizabeth di Singapura dan ke UTM Skudai, Johor dan Singapore Management University, Singapura, pada 8 - 10 Julai 2009.

FORUM Keusahawanan UMK 2009

anjuran FASA pada 15 Jun - 16 jun 2009





Lawatan Delegasi UMK ke Projek Diraja Kelantan (PDRK) dibawah naungan Duli Yang Maha Mulia, Raja Perempuan Kelantan Tengku Anis Binti Almarhum Tengku Abdul Hamid pada 5 Ogos 2009.

Sekitar Hari Keluarga UMK

9 - 10 Mei 2009